



SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN RASMI TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI KE LEMBAGA LADA MALAYSIA (MPB) CAWANGAN SIBU, SARAWAK

1. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perlindungan dan Komoditi (KPK) Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah memulakan siri lawatan dan kerja rasmi ke Sarawak dalam usaha untuk merapatkan hubungan antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung.
2. Menerusi siri lawatan dan kerja rasmi pada 6 Januari 2023, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah berkunjung ke salah satu agensi bawah KPK iaitu Lembaga Lada Malaysia (MPB) di pejabat cawangan dalam daerah Sibu, Sarawak.
3. Sehingga kini, MPB memiliki sembilan (9) buah pejabat cawangan di seluruh negeri Sarawak yang diselia oleh Pejabat Wilayah Sarawak iaitu di Serian, Sri Aman, Betong, Bintangor, Sarikei, Bintulu, Miri, Belaga dan Sibu serta dua (2) buah pejabat wilayah masing – masing di Semenanjung Malaysia (Johor) dan juga Sabah (Kota Kinabalu).
4. MPB Sibu secara khususnya berperanan dalam menyelia aktiviti industri lada yang meliputi kawasan Sibu, Mukah dan Kapit (kecuali daerah Belaga yang diselia oleh MPB Belaga). Antara fasiliti yang terdapat di MPB Sibu termasuklah Loji Pemprosesan Kering dan Basah dan Loji

Rawatan Haba bagi aktiviti pemprosesan lada serta Makmal Kawalan Kualiti.

5. Aktiviti - aktiviti yang dijalankan di premis ini termasuklah perkhidmatan kawalan kualiti dan penggredan, aktiviti pemprosesan lada, selain melaksanakan Program Pembangunan Penanaman Lada dengan mengagihkan input pertanian, perkakasan ladang, dan bantuan infrastruktur ladang.
6. MPB Sibu telah berjaya mendapat pengiktirafan Sijil *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setelah memenuhi syarat-syarat bagi pelaksanaan sistem HACCP untuk produk *Steam treated Black Pepper / White Pepper*. Akreditasi seumpama ini penting bagi menjamin kredibiliti dan keselamatan produk lada yang dihasilkan berlandaskan prosedur pelaksanaan HACCP.
7. Makmal Analisa MPB Sibu di bawah Cawangan Kawalan Kualiti juga telah berjaya mendapatkan akreditasi melalui pensijilan MS ISO/IEC 17025:2017 (Skop Kimia). Akreditasi ini menunjukkan keupayaan skop analisa dan kualiti pengurusan Makmal Analisa MPB diiktiraf dan beroperasi mengikut piawaian dan standard antarabangsa.
8. Untuk rekod, jumlah kawasan penanaman lada di Bahagian Sibu adalah seluas **494.83 hektar** dengan jumlah pekebun kecil lada seramai **3,402 orang pekebun**.
9. Sepanjang tahun 2022, MPB Sibu telah mengagihkan sejumlah **RM7.6 juta** bantuan lada kepada **346 orang** pekebun kecil lada yang layak bagi kawasan seliaan MPB Sibu. Daripada jumlah tersebut seramai **96 orang** merupakan penerima **Skim Tanaman Lada Baharu (STLB)** yang

berjumlah **RM3.3 juta**, manakala seramai **250 orang** pula menikmati manfaat daripada **Skim Tanaman Lada Matang (STLM)** yang berjumlah **RM4.2 juta**.

10. Sepanjang tahun 2022, Pusat Pemprosesan Lada MPB Sibu telah memproses sebanyak **928.67 metrik tan lada hitam** dan **lada putih** bagi tujuan **eksport**.
11. Kerajaan akan terus membantu menaik taraf kehidupan para pekebun kecil lada di seluruh negara khususnya di negeri Sarawak melalui penyaluran pelbagai bantuan disamping terus memperkasa peranan MPB selaku badan yang mengawal selia aktiviti industri lada di negara ini.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
6 JANUARI 2023